



Oleh Daegan Smith bersama Zamri Nanyan

Hakcipta terpelihara © 2008

Kata-kata Pembukaan

Pembaca yang dihormati,

Saya amat berbesar hati untuk mengemukakan buku *Rahsia Bisnes MLM Di Internet* ini kepada anda. Tetapi ini bukanlah setakat sebuah buku. Ia adalah sebuah panduan yang telah menjana berpuluh ribu ringgit bagi seorang lelaki yang tidak mungkin memperoleh pendapatan sebegitu dengan pekerjaan biasa. Ia adalah sebuah sistem yang boleh memberikan keputusan yang sama kepada anda juga, sekiranya anda mengikuti langkah-langkah yang diberikan.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Daegan Smith, individu yang membolehkan buku ini dibawa ke 'dunia sebenar'. Daegan merupakan pencipta panduan yang menakjubkan ini, dan saya amat menyanjungi pengalaman menerbitkan buku ini bersamanya.

Biar saya menceritakan sedikit sebanyak mengenai buku *Rahsia Bisnes MLM Di Internet* ini, serta juga pengarangnya.

Pada permulaannya, buku ini telah muncul di Internet sebagai sebuah buku elektronik (*ebook*) di dalam format pdf.

Apabila saya mula-mula mendekati Daegan dan menyatakan minat saya untuk menerbitkan panduan ini, saya tidak menjangka beliau akan setuju. Maklumlah, beliau sedang menjana beribu-ribu ringgit dengan menjualnya di Internet pada setiap bulan, sambil mengembangkan perniagaan Pemasaran Jaringan Internet beliau pada masa yang sama.

Beliau tidak memerlukan buku ini dijual di sebarang kedai buku.

Akan tetapi, beliau tetap berkata "Ya," dan saya terus sedar akan kemurahan hatinya. Dengan kata lain, Daegan sedia berkongsi segala rahsianya dalam membina sebuah perniagaan MLM Internet yang berjaya, walaupun beliau boleh merahsiakannya dengan mudah, dan terus menjual bukunya itu di alam Internet sahaja.

Daegan benar-benar mahu anda berjaya menggunakan kaedahnya.

Tetapi ingat! *Rahsia Bisnes MLM Di Internet* bukanlah sebuah buku biasa mengenai Pemasaran Jaringan yang boleh anda temui di mana-mana sahaja.

Anda tidak akan menemui bab mengenai motivasi *downline* anda dan strategi-strategi manipulatif lain bagi membina perniagaan anda. Anda tidak akan menemui kaedah *offline* lain yang sering dikemukakan di dalam kebanyakan buku MLM di pasaran.

Rahsia Bisnes MLM Di Internet adalah sebuah panduan yang akan menjadikan anda kaya, tetapi bukanlah semalaman. Kaedah dan strategi yang dibentangkan adalah terbukti berkesan di alam Internet, dengan syarat anda harus bersabar.

Anda pasti akan sedar bahawa buku ini ditulis di dalam format yang amat ringkas tetapi padat. Ini memang merupakan objektif Daegan: beliau mahu menyingkirkan unsur-unsur yang tidak perlu, dan hanya menumpukan perhatian terhadap maklumat penting sahaja.

Anda juga akan disarankan mengambil nota dan mencuba latihan yang diberikan pada penghujung setiap bab. Latihan-latihan ini adalah khas untuk anda. Ia direka untuk memberikan anda pengalaman praktikal supaya anda boleh memperoleh manfaat yang sepenuhnya daripada maklumat yang diberikan.

Sesetengah daripada kaedah yang dibentangkan mungkin bersifat terlalu teknikal bagi anda. Jadi, luangkanlah sedikit masa bagi memahami terma-terma dan kata-kata yang digunakan di dalam buku ini. Lengkapkan latihan yang diberikan dan dapatkan pengalaman yang berharga.

Akhir sekali, Daegan dan saya mengucapkan selamat maju jaya di dalam usaha MLM Internet anda. Beribu-ribu orang telah menjadi kaya melalui Internet; mengapa tidak anda?

Kejarlah impian anda dan sentiasa bersikap positif! Anda BOLEH menjadi kaya melalui MLM Internet.

Semoga berjaya,

Zamri Nanyan

www.ZamriNanyan.com

www.MLMLessons.com

Isi Kandungan

PENGENALAN

- Bab Satu : Apa yang patut dijangka di dunia Pemasaran Jaringan Internet
- Bab Dua : Kebenaran di sebalik Pemasaran Jaringan
- Bab Tiga : Penggunaan sebuah sistem Pemasaran Jaringan Internet yang sempurna!
- Bab Empat : Rahsia di sebalik Pemasaran Jaringan Internet yang berjaya

PEMASARAN PERNIAGAAN MLM INTERNET ANDA

- Bab Lima : Kaedah penjanaan trafik yang berkesan
- Bab Enam : Pengesanan iklan yang teramat penting
- Bab Tujuh : Rahsia Pemasaran Jaringan Internet melalui forum *online*
- Bab Lapan : Pengiklanan *Ezine* yang terbukti efektif bagi Pemasaran Jaringan Internet
- Bab Sembilan : Penggunaan iklan *Pay-Per-Click*
- Bab Sepuluh : *Blogging* bagi membina perhubungan erat
- Bab Sebelas : Jadikan isi kandungan percuma sebagai bekalan pasif trafik dan prospek percuma!
- Bab Dua Belas: Optimasi Enjin Pencarian – rahsia mutlak
- Bab Tiga Belas: Kejayaan di dalam 5 langkah mudah

PERGI DAN LAKUKANNYA!

Jangan hanya bermimpi

Pengenalan

Saya sungguh teruja dengan kehadiran anda di sini! Saya telah memberikan yang terbaik di dalam penghasilan buku ini, dan saya berharap ia adalah lebih baik dari apa yang anda jangkakan.

Sistem saya ini tidak sama seperti sistem yang pernah atau akan anda pelajari di tempat lain. Saya yakin kerana saya telah menciptanya dari mula hingga akhir.

Sesetengah topik perbincangan di sini mungkin mengandungi unsur kontroversi, kerana ia mungkin akan bertentangan dengan pengetahuan asal anda mengenai pemasaran jaringan. Tetapi ingatlah, segala yang saya katakan di sini adalah 100 peratus benar, dan pasti akan berkesan sekiranya anda mempraktikkannya.

Buku ini akan membuka mata anda terhadap sebuah kaedah baru yang sungguh berkesan bagi mempromosi perniagaan pemasaran jaringan anda – *segalanya di alam Internet*. Perniagaan anda akan berkembang dengan lebih pantas, dengan pengurangan jumlah kerja remeh dan penolakan yang harus dilalui.

Rahsia Bisnes MLM Di Internet telah dicipta berikutan kegagalan saya di dalam kedua-dua pemasaran jaringan dan Internet di dalam jangka masa satu tahun setengah. Sebenarnya, saya juga tidak dapat mencapai kejayaan sehingga saya berhenti mendengar kata-kata orang lain dan mula menjalankan kajian serta ujian saya sendiri.

Dengan menggabungkan Pemasaran Internet dan Jaringan, saya telah berjaya mencipta sebuah sistem penjanaan kekayaan hebat yang boleh digunakan oleh sesiapa sahaja untuk membina sebuah organisasi pemasaran jaringan yang pesat berkembang.

Sebabnya adalah...

Dengan pemasaran Internet, anda sentiasa memburu. Salah sebuah kempen promosi anda mungkin akan berjaya pada suatu hari, tetapi gagal dengan teruk pada hari seterusnya. Dengan kata lain, anda mungkin akan menjana wang yang banyak pada hari ini, tetapi kehilangan segalanya pada hari seterusnya. Perniagaan sebegini sememangnya mencabar, tetapi jangan lupa bahawa anda boleh memperoleh jumlah wang yang besar dengan *pantas*.

Pemasaran jaringan tradisional juga adalah mencabar: membuat panggilan dingin setiap hari bukanlah sesuatu yang menyeronokkan, dan selain daripada semangat anda, ia boleh mengosongkan poket anda juga! Anda menggunakan sebilangan besar wang dan masa bagi pulangan yang amat kecil pada peringkat permulaan. Berita baiknya adalah, setelah anda berjaya memperoleh pasukan di bawah anda, anda akan dibayar buat *selama-lamanya*.

Inilah soalan pertama di permulaan pengembaraan saya:

Apa akan terjadi jika saya mampu menggabungkan kejayaan besar dan pantas daripada sebuah kempen pemasaran Internet yang berjaya dengan pendapatan meningkat jangka masa panjang yang diperoleh dari pemasaran jaringan?

Jika penggabungan ini mampu dihasilkan, sebuah sistem penjanaan wang yang hebat pasti akan terbentuk.

Sistem inilah yang sedang anda pegang di tangan anda sekarang!

Saya telah menjalankan pelbagai kempen di mana 15 orang telah mendaftar bersama saya, walaupun pada ketika itu saya sedang tidur. Sesetengah daripada 15 orang itu akan meneruskan proses tersebut. Saya telah membayar untuk kempen pemasaran yang asal itu menggunakan masa atau wang saya sendiri, tetapi tidak lagi apabila *downline* saya membuat kerja untuk saya.

Adakah anda sedang mula memahami proses ini?

Jika anda mampu menjumpai sistem pemasaran jaringan Internet yang *sesuai* dan kemudian menghasilkan sebuah pasukan menggunakan teknik pemasaran Internet yang berkesan, potensi perkembangan perniagaan anda sememangnya *tidak terhad!*

Jadi, ambillah sebuah buku nota dan tulislah setiap poin yang perlu anda ingat. Pelajari segala yang boleh, dan aplikasikan segalanya ke dalam perniagaan anda kelak.

Semoga berjaya.

Daegan Smith

www.InternetMLMSuccess.com

www.NetMLMProfit.com

Bab Satu: Apa yang patut dijangka di dunia Pemasaran Jaringan Internet

Sebelum memulakan perbincangan utama, terdapat beberapa perkara yang ingin saya sentuh.

Saya ingin memberitahu anda beberapa perkara yang anda mungkin tidak pernah pelajari di dalam kursus atau buku yang lain. Perkara yang benar.

Walau apa pun...

Anda akan melakukan kesilapan.

Anda akan gagal.

Anda akan membazir wang.

Anda akan membazir masa.

Anda akan hampir berputus asa.

Tetapi apa salahnya?

Perkara sedemikian dialami oleh semua orang. Saya dan juga orang lain tidak boleh melindungi anda daripadanya. Ia adalah sebahagian daripada proses pembelajaran.

Apabila ia terjadi, jangan sekali-kali menyangka ia hanya terjadi kepada diri anda sahaja. Anda hanya patut mengingati apa yang terjadi, dan pastikan ia tidak terjadi sekali lagi.

Akan tetapi, kemungkinan besar adalah anda akan melakukan kesilapan yang sama berulang kali sebelum anda belajar daripadanya – ini adalah perkara yang biasa!

Buku ini merupakan hasil daripada kejayaan dan kegagalan saya. Tujuan saya menulisnya adalah untuk memberikan anda petua daripada apa yang telah saya pelajari, supaya anda mampu mencapai cita-cita anda dengan lebih pantas berbanding saya dahulu.

Saya berani menjamin bahawa sekiranya anda menggunakan maklumat yang tertera di dalam buku ini, ia akan membuahkan hasil. Ia mungkin tidak akan sentiasa memberikan kesan yang diinginkan, tetapi pada kebiasaannya dan pada jangka masa panjang, ia pasti akan memberikan anda keputusan yang positif.

Jangan putus asa. Apabila bekerja menggunakan Internet, uji setiap perkara yang anda pelajari, gunakan teknik yang paling sesuai bagi anda, dan anda akan mencapai kejayaan.

Kejayaan Mutlak Anda

Faktor-faktor kejayaan mutlak di dalam pemasaran jaringan Internet adalah faktor-faktor sama yang diperlukan bagi kejayaan pemasaran jaringan di dunia sebenar:

- Anda harus menjadi peneraju
- Anda harus menyayangi perniagaan anda
- Anda harus menghadiri latihan syarikat anda
- Anda harus memupuk peneraju-peneraju lain

Kegagalan Mutlak Anda

Saya tidak boleh menjamin kejayaan atau kegagalan perniagaan anda. Tiada siapa yang boleh. Tetapi secara amnya, kegagalan hanya akan terjadi apabila anda menyerah kalah. Ia adalah semudah itu.

Sekiranya anda mengalami kerumitan (ini pasti akan terjadi), dan kata-kata yang bermain di fikiran anda adalah seperti:

“Teknik itu tidak berkesan bagi saya. Ini bermakna ia sememangnya teknik yang tidak berguna,” atau

“Kenapa saya sentiasa mengalami kegagalan? Kenapa ia hanya terjadi kepada saya sahaja?”

Dan anda mempercayai kata-kata tersebut dan membenarkan ia mengalahkan anda – *anda telah pun gagal.*

Berwaspadalah.

Persoalan Peniruan *Online*

Jika anda tahu walaupun sedikit mengenai pemasaran jaringan, anda pasti sedar bahawa anda tidak akan menjana wang sekiranya *downline* anda tidak mampu mencerminkan prestasi anda.

Konsep ini adalah sama bagi pemasaran jaringan Internet.

Anda tidak akan berjaya di dalam perniagaan *online* anda melainkan *downline* anda mampu memberikan keputusan yang serupa dengan prestasi anda sendiri.

Tetapi marilah bersikap realistik dan menilai isu ini dengan membincangkan pembantahan utama yang diberikan oleh kebanyakan orang mengenai pemasaran jaringan *Internet*:

“Anda tidak boleh menggunakan Internet untuk mengembangkan perniagaan pemasaran jaringan anda sekiranya anda *tidak* mengangkat gagang telefon!”

Tanggapan ini adalah 100 peratus salah.

Ya, anda boleh!

Saya sendiri telah melakukannya.

Pasukan saya sedang melakukannya.

Saya telah menjumpai ramai orang yang juga telah melakukannya.

Tidak dapat dinafikan, anda tidak boleh membina syarikat yang besar melalui pemasaran jaringan tanpa membabitkan interaksi sesama manusia.

Dengan konsep pemasaran jaringan saya, saya hanya memilih untuk tidak berinteraksi secara terus dengan prospek saya, sehingga mereka menyertai perniagaan saya. Bagi saya, ini sememangnya berkesan.

Tetapi sekali lagi, marilah bersikap realistik mengenai apa yang perlu anda buat bagi menjalankan pemasaran jaringan Internet.

Alam Internet tidak bersifat ramah seperti perbualan telefon atau penemuan bersemuka. Oleh demikian, kemungkinan adalah lebih besar bahawa mereka yang menyertai perniagaan anda akan berhenti sesuka hati.

Penyelesaian bagi masalah ini adalah mudah.

Anda harus mempunyai lebih ramai orang menyertai perniagaan anda melalui Internet berbanding mereka yang menyertai di dunia sebenar, dan latih sahaja mereka yang bersikap serius. Ulangi proses ini. Buku ini direka bagi melatih anda menarik sebanyak mungkin *orang yang sesuai* bagi menyertai perniagaan anda melalui Internet.

Mereka yang tidak bersetuju bahawa anda boleh membina sebuah organisasi pemasaran jaringan melalui Internet adalah salah. Tetapi ini bukanlah salah mereka, mereka hanya berfikiran lapuk. Mereka telah belajar menjalankan pemasaran jaringan melalui pasaran panas dan panggilan dingin, dan itulah apa yang mereka buat.

Tetapi janganlah salah faham, teknik di atas juga boleh membuahkan hasil, tetapi ia adalah kurang efisien, dan anda harus menangani kuantiti penolakan yang besar.

Sekali lagi, tujuan saya adalah untuk membantu anda membina organisasi pemasaran jaringan anda dengan secepat mungkin, dan dengan penolakan yang minima.

Satu poin penting yang terakhir : elakkan penolakan, bukan pembantahan.

Anda akan mengalami pembantahan, dan ini sebenarnya adalah sesuatu yang baik. Ia hanya membawa maksud bahawa prospek anda sedang mempertimbangkan penawaran anda dengan serius. Jawablah pembantahan dengan jujur dan biarkan mereka membuat keputusan sendiri. Ini akan mengelakkan tekanan berlebihan di dalam pembinaan MLM Internet anda.

Poin-poin Penting

- Faktor-faktor kejayaan di dalam pemasaran jaringan Internet adalah sama dengan faktor yang diperlukan bagi kejayaan di dunia sebenar.
- Jika anda tahu walaupun sedikit mengenai pemasaran jaringan, anda pasti sedar bahawa anda tidak akan menjana wang sekiranya *downline* anda tidak mampu mencerminkan prestasi anda.
- Buku ini direka untuk melatih anda menarik seramai mungkin orang yang sesuai menyertai perniagaan anda menggunakan Internet.

Sekiranya anda puas hati dengan apa yang telah anda baca sebentar tadi, dapatkan buku **Rahsia Bisnes MLM Di Internet** ini di kedai berhampiran anda pada hari ini juga.



Dan jangan lupa lawati www.BisnesDigital.com untuk mengenali Zamri Nanyan dengan lebih dekat.